

PM kesal peniaga Langkawi masih kaut untung banyak

U.M. - 8 AUG 1992

LANGKAWI 7 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menyalakan kesalnya dengan para peniaga yang terus mengambil keuntungan yang banyak hingga para pembeli tidak dapat menikmati hasil ekonomi yang sedang baik sekarang.

Sambil menyifatkan perkembangan ini sebagai tidak sihat, Perdana Menteri berkata, kuasa membeli para pengguna sepatutnya meningkat ekoran suasana ekonomi yang baik itu, tapi ini tidak berlaku.

Menurut beliau, pendapatan perkapita Malaysia yang sebelum ini AS\$2,600 satu kepala kini telah meningkat kepada AS\$2,900 berikutan nilai ringgit yang bertambah kukuh.

"Ini bermakna secara ti-

dak langsung kuasa membeli sedang meningkat. Malangnya ini tidak dirasai.

"Sepatutnya hasil kekuatan ekonomi negara turut dirasai oleh pengguna," ujar beliau semasa merasmikan DeLima Resort, di sini hari ini.

Dr. Mahathir sedih kemakmuran ekonomi negara sekarang lebih dirasai oleh pihak peniaga yang terus mengambil keuntungan besar.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan para peniaga bahawa mereka tidak perlu menaikkan harga barangan masing-masing melainkan mereka akan mengalami kerugian jika tidak berbuat demikian.

Bila para wartawan kemudian mengingatkannya tentang teori permintaan dan

penawaran, Dr. Mahathir berkata, bukan semua teori ekonomi itu betul.

Katanya, para peniaga boleh mewujudkan permintaan yang palsu dengan mengurangkan pengeluaran mereka.

Perdana Menteri meminta para peniaga merenung kembali perkara ini dan mengubah sikap supaya rakyat turut sama menikmati kemakmuran ekonomi negara sekarang.

Dr. Mahathir berkata, apa yang lebih penting dalam menguruskan ekonomi negara ialah supaya kos hidup rakyat keseluruhannya tidak tinggi sambil mengingatkan bahawa pendapatan yang banyak tidak akan bererti jika kos hidup juga melambung.

Malangnya, ujar beliau,

tekanan tidak diberikan kepada perkara ini apabila pekerja sentiasa meminta gaji yang tinggi dan peniaga pula asyik menaikkan harga.

Di Langkawi katanya, harga barang kadang kala jauh lebih mahal daripada di daratan sungguhpun pulau ini bebas daripada cukai.

"Saya dah kata banyak kali, tapi jadi juga...," ujarnya.

Jika keadaan ini berterusan, katanya, langkah kerajaan mengorbankan hasilnya dengan memberikan taraf bebas cukai kepada Langkawi akan menjadi sia-sia apabila pelancong tidak datang lagi.

Menurutnya, kerajaan kehilangan berjuta ringgit kerana memberikan taraf bebas cukai ini.